



Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (97)
Tarikh : 10 Mei 2015

SIARAN MEDIA

MAJLIS PECAH TANAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KOTA BELUD

Kota Belud ,10 Mei 2015 – YAB Perdana Menteri Malaysia merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat Kota Belud. Kehadiran YAB PM diiringi oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku Ahli Parlimen Kota Belud pada pagi ini.

2. Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Belud ini dibina berhampiran pekan Kota Belud mula dibina pada akhir 2014 dan dijadualkan siap pada tahun 2018. PPR ini dibina di atas tanah seluas 79.54 ekar merangkumi pembinaan sebanyak 900 unit rumah teres berserta kemudahan asas melibatkan kos sebanyak RM162 Juta.

3. Bagi sebuah unit rumah mempunyai keluasan 700 kaki persegi dengan 3 bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, ruang makan dan dapur. PPR ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam iaitu tadika, surau, dewan serbaguna, kedai, taman permainan dan kawasan lapang.

4. Lokasi PPR ini adalah di kawasan tanah yang lebih tinggi bagi mengatasi banjir yang sering melanda penempatan-penempatan tradisional di kawasan Kota Belud. Ini juga akan mendorong kepada pelaksanaan lain-lain projek pembangunan di sekitar kawasan ini yang mampu meningkatkan

ekonomi penduduk setempat melalui peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

5. KPKT menyedari keperluan untuk pembinaan PPR di seluruh negara. Bagi memastikan keperluan pembinaan PPR ini dapat direalisasikan, KPKT telah mengambil inisiatif berikut:

- penubuhan bank tanah (*land bank*) oleh KPKT telah diluluskan oleh Kerajaan. Ia adalah bagi mengatasi masalah mendapatkan lokasi yang strategik bagi pelaksanaan projek PPR di seluruh negara. Melalui Bank Tanah ini lokasi yang strategik akan dikenalpasti dan diambil/dibeli terlebih dahulu untuk pembinaan PPR pada masa akan datang. Tindakan ini akan membantu Kerajaan untuk mengurangkan kos tanah kerana tanah telah diperolehi terlebih dahulu.
- meneroka pelbagai kaedah dan teknologi baru dalam bidang perumahan. Kajian dan kerjasama dengan pelbagai pihak sentiasa diadakan bagi mengenal pasti teknologi-teknologi baharu yang sesuai untuk diterapkan. Melalui penggunaan teknologi baharu ini, kos pembinaan rumah-rumah PPR dapat dikurangkan dan pelaksanaannya menjadi lebih cekap dan cepat.
- penubuhan perbadanan pengurusan perumahan yang bertanggungjawab untuk menguruskan semua urusan perumahan yang dibina di bawah KPKT. Melalui penubuhan perbadanan ini, sistem pengurusan perumahan awam negara akan menjadi lebih tersusun dan cekap. Kerajaan-Kerajaan Negeri juga tidak akan terbeban dengan tanggungjawab untuk menguruskan rumah-rumah awam ini.

6. Majlis pada pagi ini turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Bin Tun Said Keruak Speaker, Dewan Undangan Negeri Sabah, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia Yang di- Pertua Dewan Rakyat, Malaysia, pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Sabah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my